Saiz A5

210 halaman

Cetakan 2 warna

50 tokoh

Inspirasi umat

Sepanjang zaman

Kandungan

KATA PENERBIT

KATA PENGARANG

BAHAGIAN 1: ULAMA SALAF

Inspirasi 1: Seceria Ibn Sirin

Inspirasi 2: Sememangnya Ibn al-Mubarak Layak

Inspirasi 3: Semurni Akhlak al-Bukhari

Inspirasi 4: Secekal Imam Empat Mazhab

BAHAGIAN 2: SAHABAT NABI

Inspirasi 5: Secerdik Ummu Sulaim

Inspirasi 6: Sebernas Keluarga Anas

Inspirasi 7: Sejelas Jaafar, Seikhlas Najasyi

Inspirasi 8: Setabah Umamah

Inspirasi 9: Sehebat Muslimah Zaman Nabi

Inspirasi 10: Sehebat Muslimah Zaman Nabi 2

Inspirasi 11: Seintim Nabi dengan Anak Yatim

BAHAGIAN 3: TEMPAT DAN PERISTIWA

Inspirasi 12: Seasyik Israk Mikraj 126

SEHEBAT MEREKA

Inspirasi 13: Biar Seteguh Ukhdud, Jangan Seangkuh Tsamud

Inspirasi 14: 60 Hari di Penjara Basyar, Rahmat Allah Tetap Terpancar

Inspirasi 15: Islam di Alaska

BAHAGIAN 4: TOKOH UMAT MASA KINI

Inspirasi 16: Dr. A'idh al-Qarni

Inspirasi 17: Dr. Zakir Naik

Inspirasi 18: Ahmad al-Raysuni

Inspirasi 19: Abdullah Nasih Ulwan

Inspirasi 20: Sayyid Jamaluddin al-Afghani

Inspirasi 21: Syeikh Uthman Taha: Menulis Mashaf al-Quran kerana Cinta

IMAM ABU HANIFAH DIPENJARA KERANA TOLAK JAWATAN

Profil Imam Abu Hanifah

Nama Sebenar
Nu'man bin Tsabit

Tahun
80 H–150 H

Asal
Kufah

Wafat
70 tahun, di Kufah

Abdullah bin Mubarak berkata, "Aku pernah bertemu dengan orang yang paling kuat beribadah, orang yang paling warak, orang yang paling alim dan orang yang paling faqih ... dan orang yang paling faqih ialah Abu Hanifah. Aku tidak pernah temui lagi orang sepertinya dalam fiqah." (*Tarikh Baghdad*)

Suatu hari A'masy, seorang ulama terkenal ditanya tentang suatu masalah. Beliau menjawab, "Sesungguhnya yang boleh m jawab ini dengan baik hanya Nu'man bin Tsabit, si penia kain." (*Siyar A'lam an-Nubal*

Imam al-Syafi'i berkata, "Manusia seperti kanak-kanak di hadapan Abu Hanifah dalam fiqah."

Ditakdirkan Allah, Khalifa menawarkan kepada Imam Ab Hanifah jawatan qadi, namu beliau enggan menerima. Janga salah faham, qadi pada masa it tidak sama dengan qadi sekaran Pada masa itu qadi ialah hakim Beliau dipanggil menghadap da ditawarkan berkali-kali jawata tersebut, namun beliau teta menolaknya. Kesudahannya beliau dipenjarakan.

MENGAPA ENGGAN?

Masakan kerana hal kecil begini sampai dipenjarakan? Apa pula masalahnya untuk Imam Abu Hanifah menerima sahaja jawatan tinggi itu?

IMAM MALIK DISEBAT KERANA MERIWAYATKAN HADIS

Profil Ringkas

Nama sebenar
Malik bin Anas

Tahun
93 H–179 H

Asal
Madinah

Wafat
86 tahun, di Madinah

Imam al-Zahabi mengulas, "Di Madinah setelah tabiin, tidak ada seorang alim pun yang menyerupai Malik dalam ilmu fiqah, kebesaran dan hafalan. Setelah para ulama tabiin Madinah meninggal, nama Malik masyhur di sana bersama ulama lain. Namun Malik lebih diutamakan secara mutlak. Beliau menjadi tujuan orang datang dari pelbagai penjuru." (*Siyar A'lam an-Nubala'*)

Imam al-Syafi'i berkata, "Jika disebut ulama, Maliklah bintangnya." (*Hilyah al-Awliya'*)."

Disebabkan ilmu, beliau didengki orang. Lalu, disebarkan dakwaan bahawa Imam Malik tidak menyokong kerajaan. Buktinya beliau mengajarkan hadis "tidak dikira jatuh talak atas orang yang dipaksa" walaupun telah dilarang. Akhirnya, beliau dihukum di khalayak ramai.

ADA APA DENGAN HADIS INI?

Apalah sangat satu hadis ini? Imam Malik pula, apa masalahnya untuk tidak meriwayatkan satu hadis ini sahaja? Itu fikiran kita. Pada mereka, ilmu ialah amanah yang mesti disampaikan kepada umat tanpa mengira kepentingan mana-mana pihak.

Seperti Imam Abu Hanifah juga, Imam Malik hidup pada era awal bani Abbasiyah. Keadaan politik masih tidak begitu stabil. Apabila gabenor baharu dari Bani Abbasiyah mula menjalankan tugasnya di Madinah, sebahagian ulama pendengki mendekatinya. Merekalah yang membuat cerita,

GARIS HAYAT IMAM 4 MAZHAB

80 H — Abu Hanifah lahir.

93 H — Imam Malik lahir.

132 H — Khilafah Abbasiyah bermula.

137 H — Khalifah Abu Jaafar al-Mansur memerintah. Imam al-Syafi'i lahir.

150 H — Imam Abu Hanifah dipenjara.

158 H — Imam Abu Hanifah wafat di dalam penjara.

164 H — Khalifah al-Mahdi memerintah. Imam al-Syafi'i menetap di Madinah, berguru dengan Imam Malik.

170 H — Imam Ahmad lahir.

179 H — Khalifah Harun al-Rasyid memerintah. Imam al-Syafi'i menetap di Yaman.

184 H — Imam Malik wafat.

195 H — Imam Ahmad kaji fiqah daripada Imam al-Syafi'i.

198 H — Imam al-Syafi'i kembali menetap di Baghdad.

199 H — Khalifah al-Ma'mun memerintah. Imam al-Syafi'i berpindah ke Mesir.

204 H — Imam al-Syafi'i wafat.

218 H — Imam Ahmad keluar masuk penjara, disebat dan hampir dibunuh. Muktazilah mula menjadi mazhab akidah rasmi khilafah. Imam Ahmad ditangkap.

218 H — Khalifah al-Mu'tasim memerintah. Imam al-Syafi'i mengkaji fiqah Imam Abu Hanifah daripada Qadi Muhammad bin 'Hasan.

227 H — Imam Ahmad keluar masuk penjara, disebat, diusir dari Baghdad, berpindah-randah, bersembunyi.

232 H — Khalifah al-Watsiq memerintah. Muktazilah masih menguasai. Imam al-Syafi'i ditudu memberont dibawa ke Baghdad.

241 H — Khalifah al-Mutawakil memerintah. Imam al-Syafi'i menetap di Makkah. Imam Ahmad dibebaskan daripada hukuman. Imam Ahmad kaji fiqah daripada Imam al-Syafi'i. Penguasaan Muktazilah berakhir kerana khalifah tidak menerima fahaman ini. Imam Ahmad wafat.

MANA SATU MIMPIKU?

Rasulullah bersabda, "Mimpi ada tiga jenis. Ada yang berasal daripada usikan syaitan untuk meresahkan anak Adam. Ada yang berpunca daripada perkara yang difikir-fikirkan semasa jaga, lalu dia melihat di dalam mimpinya. Serta ada juga yang merupakan sebahagian daripada 64 bahagian kenabian." (Riwayat Ibn Majah)

3 JENIS MIMPI

1. MIMPI BENAR.
2. MIMPI USIKAN SYAITAN.
3. MIMPI MAINAN TIDUR.

CARA MENGENALI JENIS MIMPI

MIMPI BENAR		MIMPI KARUT
Bermanfaat, yang apabila ditafsirkan biasanya berupa khabar gembira atau peringatan akan perkara yang akan berlaku.	VS	• Mengarut, tidak bermanfaat. • Jika mimpi usikan syaitan biasanya menakutkan. • Jika mimpi mainan tidur biasanya berkaitan perkara yang dilakukan semasa sedar sebelum tidur.
Ringkas. Teringat-ingat setelah jaga dan masih diingati walaupun sudah lama.	VS	Berbabak-babak, meleret-leret.
Biasa berlaku dinihari menghampiri subuh, atau waktu-waktu tenang lain.	VS	Biasa berlaku tengah-tengah malam atau siang-siang, lebih-lebih lagi petang-petang.
Sebelum atau semasa tidur, diri orang yang bermimpi dalam keadaan tenang dan pada tahap iman sedang menaik.	VS	Sebaliknya.

APABILA BERMIMPIKAN SESUATU YANG DISUKAI:

1. Puji Allah, "Alhamdulillah."
2. Rasa seronok dengannya.
3. Ceritakan pada orang, tetapi pada orang yang dipercayai sahaja.
4. Boleh bertanyakan maksud mimpi kepada orang yang benar-benar berkebolehan. Nabi, sahabat dan ulama salaf pernah melakukannya.

MIMPI.....

.....pun ada fiqahnya

Mimpi suatu fenomena manusia yang begitu misteri. Berikut beberapa perkara tentang mimpi yang diajarkan agama kepada kita.

CIRI-CIRI ORANG MENDAPAT MIMPI BENAR:

1. Sentiasa jujur dalam hidup.
2. Makan minumnya sangat cakna dipastikan halal *tayyiban* (baik).
3. Sangat menjaga diri daripada perkara haram.
4. Tegas dengan sunah, menjauhi bidaah.
5. Tidur dalam keadaan bersuci.

JIKA BERMIMPIKAN SESUATU YANG TIDAK DISUKAI:

- Ludah ke sebelah kiri sebanyak tiga kali.
- Mohon perlindungan dengan Allah daripada syaitan dan daripada perkara buruk yang dimimpikan sebanyak tiga kali.
- Ubah kedudukan, sama ada cara berbaring atau tempat tidur.
- Bangun, berwuduk dan solat dua rakaat. Lebih-lebih lagi jika mimpi berulang.
- Jangan menceritakan mimpi tersebut kepada sesiapa pun!
- Tidak perlu mencari tafsirannya!